

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 2 OGOS 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pembenihan awan terus dilaksanakan	Harian Metro
2.	Bekalan air mentah Selangor masih pada tahap terkawal – LUAS	BERNAMA
3.	Amaran angin kencang, laut bergelora berikutan ribut tropika Nakri	BERNAMA
4.	MDV helps promotion of green technologies	New Straits Times

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 42  
TARIKH: 02 OGOS 2014 (SABTU)**

**Kuala Lumpur**

**Pembenihan awan  
terus  
dilaksanakan**

Operasi pembenihan awan akan terus dilaksanakan sehingga esok di Selangor berikutan dua empangan negeri itu mencatatkan bacaan air di bawah paras minimum sejak cuaca panas dan kering bulan lalu. Proses pembenihan awan yang dilaksanakan hampir setiap hari pada bulan lalu di kawasan tadahan diyakini mampu menyumbang kepada peningkatan paras Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata, proses pembenihan awan di kawasan persekitaran tadahan yang tidak hujan membantu meningkatkan taburan hujan di kawasan berkenaan.

“Memandangkan pada minggu ini mempunyai awan yang sesuai, JMM dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) tidak akan berhenti melakukan operasi pembenihan awan.

“Ketika proses pembenihan awan di kawasan tadahan, kawasan sekitar yang belum hujan lagi ketika itu kita lakukan proses pembenihan di situ untuk membolehkan awan itu bercantum dengan awan yang sedang hujan.

“Pembenihan awan di kawasan empangan di Selangor diteruskan sehingga esok kerana cuaca panas dan kering diramal berlarutan sehingga September depan,” katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 2 OGOS 2014 (SABTU)**



## **Bekalan Air Mentah Selangor Masih Pada Tahap Terkawal - LUAS**

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Catuan air di Selangor tidak perlu dilakukan pada masa ini berikutan bekalan air mentah masih terkawal, kata Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Md Khairi Selamat.

Beliau berkata ketika ini jumlah pelepasan air secara optimum dari empangan Sungai Selangor dan empangan Sungai Tinggi, masing-masing berjumlah 700 dan 500 juta liter sehari (JLH), manakala kadar pengeluaran kolam alternatif sebanyak 500 JLH.

"Selebihnya, sumber air adalah dari aliran sungai termasuk aliran permukaan hasil aktiviti pembenihan awan oleh LUAS bersama Tentera Udara Diraja Malaysia, Jabatan Meteorologi dan syarikat AF Jet Sdn Bhd yang meliputi seluruh Selangor," kata Md Khairi dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, Sabtu.

LUAS menjangkakan pengeluaran sumber air alternatif dari kolam akan dipertingkat kepada 800 JLH pada minggu hadapan dan dapat mengurangkan pelepasan air dari kedua-dua empangan itu, katanya.

Md Khairi berkata kuantiti air kolam alternatif yang telah dikenal pasti mampu membekalkan untuk tempoh lima bulan sehingga Oktober apabila perubahan Monsun Timur Laut yang membawa hujan akan berlaku.

--BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 2 OGOS 2014 (SABTU)**



## **Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Berikutan Ribut Tropika Nakri**

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Jabatan Meteorologi Malaysia mengesan kejadian ribut Tropika Nakri pada Latitud 26 darjah Utara dan Longitud 127.3 darjah Timur, kira-kira 2,398 km ke Timur Laut Kudat, Sabah pada pukul 11 malam Khamis.

Sehubungan dengan itu, jabatan tersebut mengeluarkan amaran angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5km yang berlaku di kawasan perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan, dijangka berterusan hingga Selasa depan.

Keadaan sama yang berlaku di kawasan perairan Perlis, Kedah dan Sabah (Kudat dan Pantai Barat) juga dijangka berterusan sehingga tempoh yang sama sekali gus berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Dalam pada itu, ribut petir yang berlaku di perairan Selangor dan Sarawak (Rejang) boleh menyebabkan anjing kencang sehingga 50km sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter, dijangka berterusan sehingga awal pagi hari ini.

-- BERNAMA

## MDV helps promotion of green technologies

**KUALA LUMPUR:** Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) has been helpful and supportive in bringing the green technology forward and is capable and ready to play the role of a dedicated green financing bank.

Malaysian Green Technology Corp CEO Ahmad Hadri Haris, said if the country was really considering a dedicated investment arm, it needed an institution like MDV.

"The financier and development facilitator for emerging technology sectors understands and appreciates technology, especially the green technology. It is also interested in looking at the projects viability and competency rather than on company perspectives," he said.

Also present was MDV's managing director Datuk Md Zubir Ansori Yahya. Md Zubir Ansori said MDV has always been in the forefront of technology financing, starting with information and communication technology, followed by biotechnology and green technology. **Bernama**